

15/11/1997

Amerika tetap sertai Lima '97

Ghazali Musa; Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Penyertaan syarikat dari Amerika Syarikat di Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1997 (Lima '97) tidak terjejas walaupun 27 anggota Kongresnya mengemukakan usul mendesak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon maaf atau meletak jawatan.

Malah penyertaan syarikat Amerika adalah antara yang terbesar di pameran enam hari itu, yang diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Langkawi pada 2 hingga 7 Disember ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang mengalu-alukan penyertaan syarikat Amerika itu berkata, tindakan ahli Kongres terbabit tidak memberi sebarang kesan kepada Lima 97.

"Yang penting ialah mereka (rakyat Amerika) perlu rasa selesa dan selamat apabila berada di negara ini," katanya kepada pemberita selepas menandatangani perjanjian pelantikan Penerbangan Malaysia (MAS) sebagai syarikat penerbangan rasmi dan Cellular Communication Sdn Bhd (Celcom), anak syarikat Kumpulan Syarikat TRI sebagai pembekal telekomunikasi rasmi Lima 97 dengan Le Proton Sdn Bhd di sini, hari ini.

Pada majlis itu, MAS diwakili Naib Presiden Kanan Bagi Perkhidmatan Pengendalian Pengangkutan di Landasan, Tuan Ibrahim Tengku Abdullah, TRI/Celcom Naib Presiden Eksekutif Kumpulan, Bistamam Ramli, manakala Le Proton Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Radzi Manan.

Sehingga kini, lebih 90 syarikat dan organisasi pertahanan dari Amerika dengan lebih 10 pesawat mengesahkan penyertaan pada pameran maritim dan udara antarabangsa yang ketiga terbesar dunia itu.

Antara syarikat dan organisasi Amerika itu ialah Boeing, Gulfstream, Kaman Aerospace Corp, McDonnell Douglas, Northrop Grumman, Bell Helicopter Textron Inc dan Jabatan Pertahanan Amerika.

Walaupun tanpa pesawat termoden B-2 Bomber, Amerika akan mempamerkan pesawat tempur dan helikopter pertahanan seperti Chinook CH-47, Apache AH-64, Seahawk SH-60, Super Seasprit SH-2G dan Falcon F-16.

Menurut Syed Hamid, hubungan antara Malaysia dengan rakyat serta syarikat Amerika adalah sama seperti dahulu.

"Kita menjemput mereka untuk melancong dan melabur di negara ini. Kita sebenarnya tidak mahu bertelagah dengan sesiapa. Apa yang tidak disenangi ialah tindakan beberapa ahli Kongres negara itu yang cuba merangkumkan undang-undang di Amerika dengan negara ini," katanya.

Beliau menyifatkan tindakan itu tidak bijak dan ia terkeluar dari batasan perundangan antarabangsa.

"Sebagai manusia yang faham demokrasi, rakyat Malaysia mempunyai suara untuk menyatakan rasa tidak puas hati terhadap tindakan anggota Kongres itu yang meminta Dr Mahathir mohon maaf atau meletakkan jawatan atas dakwaan mengeluarkan kata-kata anti-Amerika dan anti-Yahudi," katanya.

Dr Mahathir yang dijadualkan merasmikan Lima 97 pada 2 Disember ini akan diberi taklimat mengenai persediaan pameran itu Ahad ini.

(END)